

**SEJARAH MIGRASI DAN DASAR PEMERINTAHAN GIA LONG DAN MINH MANH KE ATAS MASYARAKAT MINH HUONG DI HOI AN, 1820-1840**

***HISTORY OF MIGRATION POLICY TOWARD THE MINH HUONG COMMUNITY IN HOI AN DURING GIA LONG AND MINH MANH'S REIGN, 1820-1840***

**Ku Boon Dar**

**Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia**

*Corresponding Author: kubd@usm.my*

**Abstrak**

Masyarakat Minh Huong merupakan komuniti Cina yang berhijrah dari China ke Vietnam pada akhir abad ke-17. Kumpulan ini melarikan diri ke bahagian selatan sehingga sampai di Vietnam sebagai tempat perlindungan sementara selepas kegagalan pemberontakan *Sanfan Zhi Luan* (Revolt of Three Feudatories, 1673-1681) yang bertujuan memulihkan pemerintahan Dinasti Ming (1368–1644) di China. Kumpulan ini akhirnya memutuskan untuk terus menetap di Vietnam setelah orang Manchu berjaya mendirikan Dinasti Qing (1644-1911) di China. Justeru, makalah ini cuba menyusur galur sejarah pembentukan masyarakat Minh Huong di Vietnam dengan meninjau faktor-faktor penghijrahan komuniti tersebut. Selain itu, makalah ini juga akan mengkaji langkah-langkah yang diambil oleh Maharaja Gia Long dan Maharaja Minh Mang di Vietnam terhadap gelombang penghijrahan masyarakat Ming Huong ke Vietnam sepanjang tempoh pemerintahan kedua-dua raja tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menekankan kepada penganalisan dokumen rasmi Dinasti Nguyen di Vietnam dan Dinasti Qing di China. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa akhirnya Maharaja Gia Long dan Minh Mang terpaksa menerima dan mengiktiraf masyarakat Minh Huong dengan memberi status yang sama seperti rakyat Vietnam (Kinh) demi kelangsungan dan kestabilan politik di Vietnam menjelang abad ke-19.

**Kata kunci: Minh Huong; Hoi An; Migrasi; Gia Long; Minh Manh; Hubungan China-Vietnam**

**Abstract**

The Minh Huong are a Chinese community who emigrated to Vietnam from China in the late 17th century. The group fled to the south into Vietnam as a temporary refuge after the failure of the *Sanfan Zhi Luan* rebellion (Revolt of Three Feudatories, 1673-1681) which was aimed at restoring the Ming Dynasty (1368 – 1644) in China. The group finally decided to remain in Vietnam after the Manchu succeeded in establishing the Qing Dynasty (1368 – 1911) in China. Hence, this paper attempts to trace the history of the formation of the Minh Huong society in Vietnam by examining factors contributing to the emigration of the community. In addition, the paper will study the steps taken by Emperor Gia Long and Emperor Minh Huong against the waves of Minh Huong society migration to Vietnam during the reign of both emperors. The study utilizes the qualitative approach by emphasizing on analyzing official documents from the Nguyen Dynasty in Vietnam and Qing Dynasty in China. The findings of this study shows that Emperor Gia Long and Minh Mang had to accept and to recognize the Ming Huong society by giving them equal status much like the Vietnamese (Kinh) for the viability and political stability in Vietnam during 19th century.

**Keywords: Minh Huong; Hoi An; Migration; Gia Long; Minh Manh; China-Vietnam Relations**

## PENGENALAN

Perebutan kuasa antara Tay Son Bersaudara dengan Nguyen Phuc Anh, waris terakhir Dinasti Nguyen pada penghujung abad ke-18 telah memuncakkan penglibatan orang Cina dalam arena politik Vietnam. Tay Son Bersaudara dari wilayah Binh Dinh telah melancarkan pemberontakan menentang pemerintahan keluarga Nguyen Awal pada 1771. Kebangkitan Tay Son Bersaudara disifatkan oleh sarjana Alexander Woodside (1976) sebagai sejarah kebangkitan kaum tani yang terbesar dalam sejarah Asia sebelum abad ke-20. Hal ini sedemikian kerana kebangkitan tersebut berjaya menyingkirkan pemerintahan keluarga Nguyen Awal di selatan dan keluarga Trinh di utara Vietnam. Kedua-dua keluarga ini mendakwa masing-masing memerintah atas kekuasaan Dinasti Le (1428-1788). Dinasti Le pula merupakan dinasti yang mendapat pengiktirafan daripada Maharaja China sebagai pemerintahan yang sah di Annam (Vietnam pada masa tersebut). Lantaran itu, apabila tercetusnya perang saudara di Vietnam. Pihak-pihak yang bertelagah sama ada Tay Son Bersaudara, keluarga Nguyen Awal mahupun keluarga Trinh masing-masing berpendapat bahawa komuniti Cina yang bermastautin di Vietnam wajar dimanfaatkan sumber tenaga dan kewangan mereka demi memperolehi keuntungan politik. Pandangan ini pernah dilontarkan oleh sarjana tersohor Li Tana bahawa,

*Under such favorable conditions, the Chinese played an intricate role in the Tay Son period, with both the prince Nguyen Phuc Anh and his enemy the rebel Tay Son brothers turning to the Chinese as a source of manpower and economic strength.<sup>1</sup>*

Sumbangan komuniti Cina terbukti seperti kejayaan Nguyen Van Nhap dari Tay Son Bersaudara menawan Dang Troi pada tahun 1775. Kejayaan tersebut adalah hasil bantuan dua saudagar Cina iaitu Tap Dinh dan Ly Tai yang mengupah pekerja Cina menentang Nguyen Phuc Anh. Tap Dinh dan Ly Tai masing-masing menubuhkan Pasukan *Trung Nghia* (Loyal and Righteous) dan *Hoa Nghia* (Peaceful and Righteous) semata-mata untuk membantu Tay Son Bersaudara. Kedua-dua ahli pasukan Trung Nghia dan pasukan Hoa Nghia terdiri daripada *thanh nhan* (orang Cina) yang berasal dari provinsi Guangdong di China. Mereka merupakan tonggak kepada Tay Son Bersaudara. Kejayaan ini adalah hasil bantuan orang Cina dalam setiap pertempuran, Tay Son Bersaudara dengan mudah berjaya menyaingi pihak lawan yakni keluarga Nguyen Awal.

Manakala catatan sarjana Cai Tinglan dalam diari perjalanan beliau, *Hainan Zazhu* (Various Records of the Land Beyond the Southern Ocean) ke Annam juga memerihalkan isu yang sama. Cai Tinglan menyatakan bahawa kejayaan Nguyen Phuc Anh, satu-satunya waris dari keluarga Nguyen Awal yang berjaya meloloskan diri dari kepungan Tay Son Bersaudara adalah berkat bantuan daripada seorang Cina di Vietnam yang dikenali sebagai He Shanwen. He Shanwen merupakan ahli kumpulan *Thien Dia Hoi* (The Hung Society atau the Society of Heaven and Earth) yang berasal dari Szechuan, China. He Shanwen telah berhijrah ke Vietnam pada abad ke-18. Beliau sangat mahir dalam ilmu pelayaran khususnya selok-belok dalam peperangan di laut dan pernah mengetuai angkatan laut China memenangi beberapa siri peperangan menentang lanun.<sup>3</sup> Sokongan daripada He Shanwen ternyata penting apabila Nguyen Phuc Anh berjaya merampas kembali Dong Nai (di bandar Ho Chi Minh), Tan Chau (di Provinsi An Giang) dan Phu Xuan (Hue) daripada Tay Son Bersaudara.<sup>4</sup>

Tuntasnya, selain dari menyumbang tenaga terhadap mengasaskan Dinasti Nguyen pada tahun 1802, golongan migrasi Cina juga memainkan peranan yang penting dalam membangunkan bahagian selatan Vietnam (juga dikenali sebagai Dang Trong atau Quang Nam).<sup>5</sup> Daripada enam wilayah yang terdapat di Dang Trong, empat daripadanya telah diteroka dan dibuka oleh orang Cina. Menurut sarjana Dai Kelai dan sarjana Yu Xiangdong bahawa

sumbangan orang Cina dalam meneroka dan memajukan kawasan-kawasan di Dang Trong oleh orang Cina adalah jasa yang tidak boleh dipadamkan dari sejarah Vietnam.<sup>6</sup> Justeru, makalah ini cuba mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan komuniti Cina memasuki Dang Trong khususnya di Hoi An. Antara isu utama yang akan dikupas ialah meninjau sejauh mana kedinamikan komuniti Cina tersebut dalam perubahan identiti menjadi masyarakat Minh Huong di Vietnam. Seterusnya, bahagian kedua makalah ini membincangkan langkah-langkah yang diambil oleh Gia Long dan Minh Manh terhadap gelombang kemasukan beramai-ramai orang Cina ke Vietnam sepanjang tempoh pemerintahan mereka.

## SEJARAH KEDATANGAN ORANG CINA KE HOI AN

Orang Cina mengetahui Quang Nam, Cu Lao Cham (Pulau Cham), Pelabuhan Dai Chiem dan Teluk Tra Nhieu (nama-nama Hoi An semasa era pemerintahan Campa) sejak kawasan-kawasan ini diperintah oleh kerajaan Champa (200 – 1500) lagi. Pierre Poivre yang mengunjungi Annam pada tahun 1749 hingga 1750 mencatatkan bahawa Hoi An merupakan pelabuhan sibuk yang disinggah oleh jong-jong China, perahu-perahu tempatan dan kapal-kapal Eropah. Tetapi fungsi pelabuhan Hoi An lebih merupakan sebuah gudang simpanan untuk barang-barang komoditi dari China dan hasil masyhul tempatan di Vietnam. Pandangan ini diperakui oleh Victor Purcell yang menyatakan bahawa Hoi An merupakan pusat komersial yang pertama didirikan oleh migrasi Cina di Vietnam.<sup>7</sup> Dari Hoi An, komoditi dihantar ke dermaga Sungai Thu Bon, yakni pusat persinggahan penting semasa pemerintahan kerajaan Champa dan Annam.

Dashan, pendeta Buddha dari Guangdong telah dijemput oleh maharaja Vietnam, Nguyen Phuc Chu Ke Quang Nam untuk menyebarkan ajaran Buddha di sana dan Dashan telah menetap di Quang Nam dari bulan Ogos 1694 hingga November 1695. Ketika kunjungan tersebut, beliau sempat singgah di Hoi An dan telah menulis catatan yang menggambarkan akan kesibukan Hoi An sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa. Menurut catatan beliau, Hoi An telah menjadi pusat enterport yang sibuk semenjak abad ke-16 lagi kerana ia merupakan tempat persinggahan kapal-kapal dari Portugis, Belanda dan British sebelum belayar ke China, Jepun dan negeri-negeri di Asia Tenggara yang lain.<sup>8</sup> Dashan telah diiringi oleh 50 orang pengikutnya semasa belayar ke Hoi An. Sebahagian daripada pengikut beliau telah menetap di Hoi An sekembalinya Dashan ke China pada 1695. Selain itu, Dashan juga telah mencatatkan bahawa kalangan komuniti Cina yang berdagang di Hoi An kebanyakannya berasal dari provinsi Fujian. Komuniti Cina tersebut kemudiannya telah mendirikan penempatan mereka di Hoi An pada tahun 1650. Penempatan tersebut dikenali sebagai Kesatuan Minh Huong (Minh Huong xa 《明香社》). Hal ini kerana Minh Huong merujuk kepada komuniti orang Cina yang melarikan diri dari China kerana tidak mengakui ketuanan Dinasti Qing (1644-1911) yang berjaya menyingkirkan Dinasti Ming (1402-1644) di China. Dalam bahasa Cina Minh Huong disebut sebagai Ming Xiang (明鄉) yang membawa maksud bahawa penempatan mereka walaupun didirikan di Hoi An tetapi ia lebih merupakan sebuah penempatan atau kampung halaman (Xiang) yang berasal dari Dinasti ‘Ming’ di China.

Keluasan penempatan Hoi An tersebut mencecah sehingga tiga hingga empat *li* (0.3 batu) dan deretan jalannya telah dikenali sebagai *Dai Duong Nhai* yang bermaksud Great Tang Street (Jalan Tran Phu sekarang).<sup>9</sup> Pada awalnya komuniti Cina masih menumpahkan taat-setia mereka kepada Dinasti Ming kerana percaya suatu hari kelak mereka akan kembali memerintah China. Oleh itu, komuniti Cina ini terus mengekalkan amalan dan adat tradisi Dinasti Ming khususnya dari segi berpakaian di awal tempoh permastautinan mereka di Vietnam.<sup>10</sup>

Tetapi setelah berusaha hampir dua dekad, misi kumpulan ini untuk menumbangkan Dinasti Qing di China tidak menampakkan sebarang hasil. Apatah lagi Dinasti Qing secara rasminya berjaya menyingkirkan Dinasti Ming pada tahun 1644. Maharaja Shizu (1644-1661)

berjaya ditabalkan sebagai maharaja pertama. Ini ditambahi pula perkhabaran tentang kematian Zheng Chenggong (Koxinga, 1624-1662), iaitu panglima tentera berpangkalan di Taiwan yang mendukung Dinasti Ming.<sup>11</sup> Keadaan ini semakin menggalakkan penghijrahan besar-besaran orang Cina ke Vietnam di sekitar tahun 1680-an. Ini menyebabkan penempatan orang Cina terus bercambah di seluruh pelosok Vietnam. Pada tahun 1698, masyarakat Minh Huong telah mengasaskan penempatan-penempatan di Tan Bien (Bien Hoa), Phien Tran (Gia Dinh) dan My Tho.<sup>12</sup>

Migrasi beramai-ramai orang Cina ke Vietnam ini menyebabkan berlakunya fenomena kahwin campur antara lelaki Cina dengan wanita Vietnam. Sarjana Cai Tinglan mencatatkan bahawa wanita Vietnam lebih menerima lelaki Cina sebagai suami mereka. Golongan lelaki Cina yang dikenali sebagai *shu* (叔 pakcik) lebih dihormati dan dipandang tinggi oleh wanita Vietnam.<sup>13</sup> Seperti mana laporan oleh Yi Zhengwang, Gabenor Jeneral *Liangguang* (wilayah Guangdong dan wilayah Guangxi) kepada Maharaja Qianlong bahawa kahwin campur merupakan fenomena lumrah malah kerap berlaku di Vietnam.<sup>14</sup> Sementara itu, *The Grand Council* juga memperincikan kes-kes tertentu tentang perkahwinan campur tersebut. Antaranya dicatatkan bahawa pada tahun 1776, Fan Guangxi dan Li Aiji, kedua-dua merupakan peniaga tersohor yang berasal dari Guangdong telah memperisterikan wanita Vietnam setelah mereka menetap di Vietnam.<sup>15</sup> Generasi komuniti orang Cina hasil perkahwinan campur dengan penduduk tempatan inilah akhirnya dikenali sebagai masyarakat Minh Huong. Gelaran tersebut diberikan oleh penduduk Vietnam ke atas komuniti Cina tersebut kerana mengambil nama sempena dengan nama penempatan orang Cina yang pertama didirikan di Vietnam, yakni penempatan Minh Huong (Minh Huong xa) di Hoi An.

Menjelang tahun 1642, jumlah pedagang Cina yang tinggal di Hoi An dianggarkan adalah antara 4,000 hingga 5,000 orang. Tetapi menurut Cheng Chingho, ada juga dalam kalangan pengembara Barat menganggarkan sehingga mencecah ke 6,000 orang.

*Hoi Pho (Faifo) is the most prosperous spot of commerce throughout Cochinchina. Usually there are about 6,000 Chinese living in this town. They are all wealthy merchants married to local women, and pay taxes to the king.*<sup>16</sup>

Sementara itu, sekitar tahun 1744-1750 iaitu di era kemucak kegemilangan pelabuhan Hoi An sebagai pusat perdagangan, Christoforo Borri menganggarkan bahawa terdapat kira-kira 10,000 peniaga Cina yang menetap di Hoi An dan juga lebih kurang 60–80 buah kapal dagang dari China yang berlabuh di pelabuhan tersebut.

## **FAKTOR-FAKTOR PENGHIJRAHAN ORANG CINA KE HOI AN**

Sehingga awal abad ke-19, Vietnam tidak mengawal kemasukan rakyat China ke Vietnam. Hal ini sedemikian kerana Vietnam masih perlu bergantung kepada sumber tenaga dan kewangan rakyat daripada China untuk meneroka dan memaju penempatan-penempatan yang masih luas terbentang di Vietnam khususnya bahagian selatannya. Sejarah pemerintahan Nguyen Awal di selatan Vietnam bermula pada tahun 1558 apabila Nguyen Hoang (1558-1613) dilantik sebagai gabenor di Thuan Hoa. Thuan Hoa merujuk kepada kawasan di Quang Nam iaitu wilayah selatan Vietnam. Nguyen Hoang merupakan satu-satunya pembesar pemerintahan Nguyen Awal yang menggalakan kemasukan pedagang dan pentadbir Cina untuk memajukan perdagangan dan pentadbiran di Thuan Hoa. Ini amat berbeza dengan dasar asimilasi serta dasar mengawal pergerakan orang Cina yang dijalankan oleh pemerintahan Trinh di utara Vietnam. Natiujahnya, ramai orang Cina enggan berhijrah ke utara Vietnam selepas kejatuhan Dinasti Ming pada tahun 1644. Sebaliknya komuniti Cina berboyong-boyong memasuki

selatan Vietnam yang akhirnya membentuk banyak penempatan dan mewujudkan masyarakat Minh Huong.<sup>17</sup>

Selain itu, langkah penguatkuasaan larangan perdagangan ke seberang laut yang diumumkan oleh Tokugawa Bakufu, maharaja Jepun pada tahun 1639 ke atas rakyatnya juga melonjakkan nilai dan peranan orang Cina di selatan Vietnam khususnya Hoi An. Larangan tersebut menyebabkan aktiviti perdagangan di antara China dengan Jepun terpaksa bergantung kepada pedagang Cina. Hal ini sedemikian kerana hanya pedagang Cina diberi keizinan oleh pihak Jepun menjalani perdagangan di pelabuhan Nagasaki. Impak daripada larangan menjalani perdagangan tersebut menyebabkan komuniti dan peranan orang Jepun di Hoi An menjadi susut. Sebaliknya, komuniti Cina di Hoi An berkembang menjadi komuniti yang terbesar. Menurut Christoforo Borri, komuniti Cina di Hoi An pada 1620-an mencecah sehingga 5,000 orang. Oleh itu, bilangan orang Cina yang ramai di Hoi An meletakkan mereka dalam kedudukan yang baik untuk mengambil alih perdagangan yang sebelum ini banyak dimonopoli oleh pedagang Jepun di Hoi An.<sup>18</sup>

Seterusnya, faktor Nguyen Phuc Khoat (*Vo Vuong*, 1738-1765), pemerintahan Nguyen Awal kelapan yang menaiki takhta juga menyumbang kepada kebanjiran orang Cina ke Vietnam, khususnya di Hoi An. Hal ini sedemikian disebabkan oleh dasar keterbukaan yang diamalkan oleh beliau. Nguyen Phuc Khoat menggalakkan orang Cina berhijrah ke kawasan Dang Trong. Di samping itu, beliau juga melancarkan beberapa pembaharuan seperti menstruktur dan mengorganisasi semula persatuan-persatuan masyarakat Minh Huong serta memperkenalkan penggunaan mata wang perak dalam urusan seharian. Namun, beliau juga menggalakkan aktiviti perdagangan dengan insentif-insentif yang menarik serta terus mengizinkan pengekalan amalan adat dan tradisi orang Cina diamalkan oleh masyarakat Minh Huong di Vietnam. Ekoran daripada pembaharuan-pembaharuan tersebut, bilangan jong Cina serta pedagang Cina yang menuju ke Hoi An terus meningkat. Fenomena ini tentunya meningkatkan jumlah penduduk Cina di Hoi An dan Vietnam secara keseluruhannya. Hoi An boleh dirumuskan sebagai pencetus kepada kebanjiran orang Cina ke Vietnam kerana faktor-faktor penarik yang dinyatakan serta dasar-dasar pemerintahan Nguyen Awal yang menggalakkan kemasukan orang Cina ke wilayah tersebut.<sup>19</sup>

Menurut *Dai Nam Chronicle*, kira-kira 3000 orang Cina terdiri daripada pegawai, tentera dan ahli keluarga Duong Ngan Dich dan Tran Thuong Xuyen tiba di Thuan An (Thua Thien pada hari ini, berdekatan dengan bandar Hue) pada tahun 1679. Kedatangan mereka diterima baik oleh pemerintah Nguyen Awal. Kumpulan orang Cina tersebut telah diberi keizinan oleh pihak pemerintahan Nguyen Awal untuk mengusahakan tanah pertanian dan penempatan di Bien Hoi, Mytho dan Tien Giang.<sup>20</sup>

## **STRUKTUR PENTADBIRAN MASYARAKAT MINH HUONG**

Masyarakat Minh Huong juga mempunyai undang-undang serta ketuanya sendiri yang memberi sokongan kepada pihak pentadbiran untuk mengutip cukai dan menguatkuasa peraturan tentang migrasi. Kumpulan ketua yang mengendalikan hal-ehwal kehidupan mereka terdiri daripada Thap Lao (Ten Elders) atau Tien Hien (Meritorious Predecessors). Kumpulan ini terdiri daripada Khong, Nhan, Du, Tu, Chau, Hoang, Truong, Tran, Thai dan Luu.

Lazimnya, masyarakat Minh Huong dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil yang dikenali sebagai Luc Tich berdasarkan nama marga suku keturunan dan tempat asal mereka di China. Kumpulan Luc Tich tersebut terdiri daripada Nguy, Ngo, Hua, Ngu, Thieu dan Trang. Daripada enam nama marga tersebut, beberapa kesatuan telah ditubuhkan demi menyelaraskan dan menyeragamkan segala aktiviti masyarakat Minh Huong di Vietnam. Pada tahun 1698, sekurang-kurangnya terdapat empat suku persatuan Cina yang dikenali sebagai sistem *bang* (幫 congregations) diasaskan di Vietnam.<sup>21</sup> Sistem *bang* merujuk kepada gabungan

sesuatu persatuan berdasarkan kriteria-kriteria seperti kesamaan tempat berasal, suku keturunan, pekerjaan dan sebagainya. Antaranya ialah *Minh Huong Hoi Quan* (Minh Huong Association) dan *Tam Son Hoi Quan* (San Shan Association). Pada mulanya suku-suku persatuan ini dikenali sebagai *Duong Thuong Hoi Quan* (Yang Shang Association) oleh penduduk Vietnam. Tetapi semasa pemerintahan Maharaja Gia Long (1802-1820), suku persatuan ini telah dikenali sebagai *Tu Ban Hoi Quan* (Four Congregations Association) kerana golongan ini terdiri daripada empat suku persatuan yang berasal dari Fujian, Chaozhou, Guangdong dan Jianing. Tetapi kemasukan komuniti Cina suku keturunan dari Hainan menjadikan persatuan ini berubah keahlian lalu dikenali sebagai kepada *Ngu Ban Hoi Quan* (Five Congregations Association). Perubahan struktur organisasi ini telah dicatatkan dalam *Dai Nam Nhat Thong Chi* yang menyatakan bahawa keadaan orang Cina yang tinggal di Hoi An seperti berikut:

*The port city of Hoi An is located on the banks of the big river, to the south of the village of Hoi An and Minh Huong: its brick-covered houses spread out over two dams. Chinese residents from five congregations (according to their provinces of origin: Guangdong, Chaozhou, Fujian, Hainan and Jianing), which trade in Chinese goods, have their common house, market, meeting hall where merchants gather. To the South the Tra Nhieu lake shelters ships having come from the north and the south; it is an important urban centre.<sup>22</sup>*

Di samping itu, masyarakat Minh Huong juga melantik Sam Gia (Tiga Bangsawan) yang terdiri daripada Tay Quoc Tuong, Ngo Dinh Khoan dan Truong Hong Co untuk mewakili mereka dalam segala hal-ehwal masyarakat Minh Huong apabila berurusan dengan pihak berkuasa Vietnam.<sup>23</sup> Sesungguhnya, struktur organisasi masyarakat Minh Huong telah memainkan peranan yang penting dalam mengukuh jalinan dan ikatan sesama ahlinya sehingga masyarakat tersebut mempunyai identitinya yang unik dalam kalangan rakyat Vietnam.

## **DASAR GIA LONG TERHADAP MASYARAKAT MINH HUONG**

Pada tahun 1802, Nguyen Phuc Anh (dengan gelaran Gia Long) berjaya menyingkirkan Tay Son Bersaudara lalu mengasaskan Dinasti Nguyen. Beliau telah memperkenalkan polisi-polisi yang lebih toleransi terhadap orang Cina. Menurut Dai Kelai bahawa Gia Long dikatakan ingin membalas kebaikan orang Cina dalam membantunya menaiki takhta di Vietnam.<sup>24</sup> Lantaran itu, golongan Cina terus diberi peluang memainkan peranan penting dalam pentadbiran beliau. Trinh Hoai Duc (1765-1825), Vu Nhan Tinh (1769-1816), Phan Thanh Gian (1796-1867) dan Tran Duong Tuan (1813-1883) merupakan antara nama-nama besar dalam kalangan masyarakat Minh Huong yang telah diberi peluang menjawat pelbagai jawatan dalam pentadbiran Dinasti Nguyen.<sup>25</sup> Begitu juga dengan Trinh Huai Te dan Wu Renjing yang telah diutuskan oleh Maharaja Gia-Long pada tahun 1802 sebagai delegasi ke China untuk memohon watakah perlantikan Gia Long sebagai maharaja Vietnam daripada Maharaja China.<sup>26</sup>

Pada tahun 1804, Gia Long telah mengisytiharkan undang-undang mengecualikan masyarakat Minh Huong ini daripada berkhidmat sebagai askar kerahan. Sesungguhnya langkah mengubal undang-undang ini dilihat sebagai strategi dalam pentadbiran politik Gia Long. Dengan penguatkuasaan undang-undang ini, masyarakat Minh Huong yang telah pun menguasai sektor ekonomi negeri Vietnam, tidak akan berjaya menguasai pentadbiran ketenteraan di Vietnam. Namun jauh di lubuk hati pihak Vietnam, langkah ini adalah agar komuniti Cina ini dapat menumpukan sepenuh tenaga mereka dalam usaha membantu pertumbuhan ekonomi di Vietnam seperti mana ditegaskan oleh sarjana Wu Fengbin.<sup>27</sup>

Sementara itu, menjelang tahun 1812, Gia Long telah mengiktiraf kedudukan sah status autonomi orang Cina sebagai rakyat Vietnam. Atau secara lebih spesifik, pengiktirafan ke atas orang Cina tersebut adalah merujuk kepada generasi masyarakat Minh Huong di Delta Sungai Mekong. Sebelum ini status kumpulan orang Cina ini hanya sebagai saudagar asing yang singgah mencari rezeki di Vietnam. Justeru, langkah memperakui golongan migrasi sebagai rakyat negaranya memunculkan Vietnam sebagai negara yang terawal dalam rantau Asia Tenggara yang mengiktiraf kedudukan setara orang Cina dengan penduduk asalnya.<sup>28</sup> Status orang Cina di Vietnam tidak banyak bezanya dengan rakyat Vietnam sendiri seperti yang diungkap oleh Purcell bahawa,

*They enjoyed the same civil rights as the Annamites and were exempted from military service and corvee. The laws of Annam which were applied to them on a equality with the Annamites being derived from Chinese sources, were congenial their spirit.*<sup>29</sup>

Pada tahun 1817, Gia Long telah menggalakkan orang Cina berhijrah ke Moncay (Mang Jie), di sempadan Vietnam-China untuk memajukan sektor pertanian, ternakan, perdagangan dan pertukangan.<sup>30</sup> Pada tahun 1818, Mo Yu, waris terakhir dari keturunan Mo Jiu telah dilantik sebagai *zhifu* (Prefect) di Ha Tien oleh Gia Long sebagai menghargai sumbangan yang telah dicurahkan oleh keturunan Mo Jiu kerana memaju dan membangunkan kawasan tersebut dan Dang Trong secara amnya.<sup>31</sup>

Pada tahun 1819-pula Maharaja Gia Long telah mengerahkan 11,400 orang Cina dari wilayah Gia Dinh (Saigon) melakukan kerja-kerja pembesaran Sungai An Thong dan Sungai Do Hy selama tiga bulan lamanya. Demi untuk menghargai peranan yang telah disumbangkan oleh orang Cina ini, nama Sungai Do-hy ditukarkan namanya kepada *Trung Quoc Ho* (Sungai Zhongguo).<sup>32</sup> Manakala pada tahun 1820, dengan bantuan dari pekerja-pekerja Cina, jaringan jalan raya dari Gia Dinh ke Phom Penh dapat disiapkan. Sesungguhnya seperti yang dikatakan oleh Luong Nhi Ky bahawa, “*Vietnam provides an excellent place for the absorption of the teeming masses of China*”.<sup>33</sup>

Selain itu, di era Maharaja Gia Long juga memperlihatkan dasar toleransi beliau terhadap pelarian politik. Beliau menerima kembalinya perlarian politik waris-waris Dinasti Le yang telah mendapat perlindungan politik dari China setelah dikalahkan oleh Tay Son Bersaudara.<sup>34</sup> Pada awal September 1803 contohnya, pegawai-pegawai istana seperti Ly Dong dan Ly Sung Tuan telah diutuskan oleh Gia Long untuk mengadap kaum-keluarga waris Dinasti Le di Zhuozhou (di Hebei).<sup>35</sup> Pada tahun berikutnya, jenazah Le Chieu Thong (1786-1788) yang meninggal dunia pada 1796 di China telah dibawa balik ke Vietnam.<sup>36</sup> Manakala waris-warisnya seperti Hoang Ding Kieu, Be Nguyen Cung dengan 53 orang pengikutnya dan Hoang Ich Hieu dengan enam orang pengikutnya yang berada di Jiangnan juga telah dibawa semula ke Vietnam.<sup>37</sup> Pemulangan rakyat Vietnam waris keturunan Dinasti Le amat dialu-alukan oleh Gia Long kerana beliau berpendapat Dinasti Nguyen merupakan penyambungan legitimasi daripada Dinasti Le.<sup>38</sup> Oleh itu, kepulangan waris-waris Dinasti Le bukan sahaja dialu-alukan tetapi waris mereka telah juga telah dikurniakan dengan jawatan serta hadiah-hadiah berupa wang dan beras. Pada tahun 1806 dan 1812, Maharaja Gia Long telah mengurniakan barangan berupa beras dan wang serta mengurniakan jawatan kepada 76 orang waris Dinasti Le.<sup>39</sup>

Polisi ini amat berbeza sekali dari amalan yang dipraktikkan oleh China. Ini kerana dasar China ketika itu, menganggap sebarang aktiviti migrasi mahupun pelarian politik oleh rakyatnya akan dilabel sebagai pengkhianat kepada negara. Dikri diraja pada tahun 1712, telah memaktubkan bahawa mana-mana rakyat China yang keluar dari China tanpa kebenaran akan dikenakan hukum pancung.<sup>40</sup> Pewartaan dikri diraja tersebut adalah kerana faktor-faktor

dalam China dan fahaman China dalam konteks ‘rakyat China’ seperti yang ditegaskan oleh Purcell bahawa,

*The Qing [Ching] Dynasty believed that people were capital, and although the emigrants brought or sent back extensive profits earned in foreign lands, those financial advantages could not be compensated for by the loss of subjects. Another reason was that since the people were deeply attached to their native soil, those who had sailed away presumably were the socially undesirable—criminals and exiles of war. Finally, the Qing [Ching] were fearful of plots arranged against the ruling dynasty by revolutionaries who went overseas”.*<sup>41</sup>

Walaupun bagaimanapun, dikri diraja tersebut tidak dapat menyekat kemasukan orang Cina ke Vietnam lantaran desakan dan tekanan hidup di negara China sendiri. Walaupun kawasan utara Vietnam khususnya Sungai Mekong menjanjikan peluang ekonomi yang lebih tetapi kawasan-kawasan sebelah selatan Vietnam yang kaya dengan hasil bumi juga dihuni oleh ramai orang Cina.<sup>42</sup> Orang Cina di Vietnam seperti Cao Hoanh Duc dan Vuong Que Cang telah mengupah ramai orang Cina dari China untuk memajukan sektor perlombongan. Pada tahun 1812, apabila perlombongan besi di kawasan Dong Nai (Bien Hao) dibuka, peniaga-peniaga Cina seperti Lin Xusan dan Li Jing telah mengusahakannya dengan jayanya.<sup>43</sup> Pada akhir abad ke-18, kawasan utama perlombongan bijih timah, perak dan gangsa di Gia Dinh berjaya diterokai kerana terdapatnya orang Cina yang berasal dari Chaozhou, Shaozhou (kini dikenali Shaoguan Shi) di provinsi Guangdong.<sup>44</sup>

Namun, pola kedatangan orang Cina ke Vietnam pada awal kurun ke-19 mengalami perubahan. Hal ini sedemikian kerana kedatangan kumpulan orang Cina ini yang kini dikenali sebagai *nguoï Hoa* (orang Cina) oleh orang Vietnam adalah lebih terdorong kepada desakan hidup. Kebobrokan politik, ekonomi dan sosial khususnya bencana alam yang sering melanda China menyebabkan rakyatnya terus dihempit kesukaran mencari rezeki. Natijahnya, migrasi merupakan pilihan terakhir rakyat China. Vietnam merupakan antara negara yang menjadi pilihan mereka. Namun, gelombang penghijrahan besar-besaran kali ini mengusarkan pemerintahan di Vietnam. Walaupun dasar Gia Long pada awalnya amat bertoleransi dengan komuniti Cina sehingga golongan ini diberi peranan dan jawatan yang penting dalam pentadbiran beliau. Namun, kedatangan beramai-ramai ini juga menggusarkan Gia Long. Kebimbangan ini boleh difahami kerana pada firasat Gia Long, kebanjiran orang Cina ini berkemungkinan boleh mengganggu-gugat kestabilan politik kerajaan beliau yang baharu didirikan, yakni Dinasti Nguyen. Gia Long menyedari bahawa golongan ini boleh dimanipulasi oleh pihak lawan yang menentanginya sekiranya golongan Cina ini tidak dikawal dengan tertib. Gia Long sebelum berjaya menaiki takhta di Vietnam pernah melalui sejarah persaingan politik yang sengit dengan menyaksikan golongan Cina dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang bertelagah untuk memperolehi sumber kewangan dan meraih sokongan orang Cina demi kelangsungan politik masing-masing. Hal ini sedemikian kerana orang Cina pada ketika itu telah berjaya menguasai pelbagai sektor ekonomi di Vietnam.<sup>45</sup>

Lantaran itu, pada mulanya Gia Long cuba mengasimilasikan orang Cina ini dengan penduduk tempatan melalui undang-undang yang diwartakan. Namun langkah tersebut tidak begitu berjaya menurut sarjana Choi Byung Wook.<sup>46</sup> Natijahnya, orang Cina yang memasuki ke Vietnam telah dikenakan sekatan-sekatan tertentu seperti dihadkan kawasan penempatan mereka. Mereka juga perlu mendaftar dengan pihak berkuasa semasa berada di Vietnam serta mempunyai sijil pendaftaran.<sup>47</sup> Namun, langkah-langkah yang diambil tersebut dilihat juga tidak begitu berjaya untuk membendung kebanjiran komuniti Cina ke Vietnam. Oleh itu, pada tahun 1814, Gia Long terpaksa mencari alternatif lain. Lalu beliau memanfaatkan kekuatan jaringan dalam masyarakat orang Cina itu sendiri iaitu melalui sistem *bang*. Menurut



Nobuchika Ichikawa bahawa sistem tersebut telah membantu memajukan ekonomi dan taraf hidup masyarakat di Cina di seberang laut.<sup>48</sup> Setiap *bang* mempunyai ketuanya yang dikenali sebagai *Bang Truong* dan penolongnya yang dipilih setiap dua tahun. Antara tugas *bang* ialah menguruskan hal-ehwal komuniti Cina seperti menyelesaikan pertelingkahan yang wujud di antara kumpulan-kumpulan Cina, mengutip cukai, mengawal penghijrahan orang Cina, mewakili kepentingan Cina dalam urusan pentadbiran dengan pihak berkuasa Vietnam.<sup>49</sup> Oleh itu, Gia Long telah mensyaratkan bahawa setiap komuniti Cina perlu mendaftar dengan pihak berkuasa Vietnam sekiranya penempatan mereka mempunyai ahli yang melebihi 30 orang.<sup>50</sup> Oleh itu, langkah ini menyebabkan kewujudan banyak *bang* di setiap pelosok Vietnam. Semasa pemerintahan Minh Mang, beliau telah mengarahkan bahawa *Bang Truong* yang dipilih dari kalangan masyarakat Cina perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa Vietnam. Pendekatan ini menurut Ramses Amer dan Li Tana, merupakan langkah mengawal secara langsung terhadap komuniti Cina di Vietnam.<sup>51</sup>

Pada tahun 1826, dikri diraja telah dikeluarkan oleh Maharaja Minh Mang (1820-1840) agar nama masyarakat Minh Huoang [Xiang 鄉 dalam bahasa Cina] ditukarkan kepada Minh Huong [Xiang 香 dalam bahasa Cina]. Walaupun sebutan Minh Huong dalam bahasa Vietnam adalah serupa, namun asal perkataan Xiang [鄉] yang bermaksud kampung halaman menurut pengertian Cina [鄉] telah diubahkan kepada sebutan Xiang [香]. ‘Xiang’ asalnya dari perkataan Xianghuo [香火] membawa maksud meneruskan pemujaan (cult) terhadap Dinasti Ming.<sup>52</sup> Maka, langkah penukaran nama ini diambil oleh Maharaja Minh Mang kerana beliau berpendapat bahawa masyarakat Minh Huong merupakan sebahagian daripada rakyat jelata Vietnam. Ini ditambah pula perkataan ‘xiang’ yang diterjemahkan dalam bahasa Vietnam adalah ‘Huong’. Lalu komuniti Cina dikenali sebagai ‘Ming Houng’ yang bermaksud masyarakat Cina yang mewarisi atau meneruskan jurai keturunan mereka di Vietnam. Lantaran itu, pada pandangan Minh Mang bahawa tiada keperluan untuk kumpulan tersebut mengekalkan perkataan ‘xiang’ (kampung halaman) yang boleh membawa maksud taat-setia orang Cina masih berkiblat kepada China (baca: Dinasti Ming).<sup>53</sup> Ini ditambah pula, generasi masyarakat Minh Huong merupakan hasil perkahwinan campur antara orang Cina dan orang Vietnam sehingga identiti suku kaum kumpulan tersebut sukar dibezakan. Dalam sesetengah keadaan, masyarakat Minh Huoang kadang-kala sukar dikenalpasti sama ada mereka masih menggelar diri mereka sebagai orang Cina mahupun lebih selesa mendakwa diri mereka sebagai orang Vietnam. Laporan *The Grand Council* mencatatkan bahawa sudah terdapat fenomena lelaki Vietnam yang mengahwini wanita Cina. Nguyen Khi, sarjana Vietnam contohnya telah mengahwini wanita Cina.<sup>54</sup> Hal ini sedemikian kerana generasi hasil perkahwinan campur tersebut lebih condong kepada pengamalan unsur-unsur tempatan Vietnam berbanding dengan mengamalkan amalan-amalan tradisi orang Cina selepas perkahwinan tersebut. Ini kerana setelah menetap sekian lamanya di Vietnam, identiti masyarakat Minh Huong tidak menampakkan sebarang perbezaan ketara dengan penduduk tempatan khususnya merujuk kepada suku Kinh (Vietnam) sama ada dari segi amalan kebudayaan dan kehidupan harian mereka. Namun dalam dikri tersebut, masyarakat Minh Huong dilarang kembali ke China. Sesungguhnya, larangan tersebut adalah strategi serampang dua mata yang diambil oleh Minh Mang. Beliau berpendapat bahawa langkah penukaran nama ini, masyarakat Minh Huong bukan sahaja dapat menikmati semua kebajikan dan status seperti rakyat Vietnam (Kinh) tetapi yang lebih penting bagi Minh Mang ialah golongan ini akan dapat menumpahkan taat-setia mereka kepada negara Vietnam dan bukan lagi berpaling kesetiaan mereka ke China.

## KESIMPULAN

Kedatangan orang Cina di Vietnam pada abad ke-17 adalah kerana kemunculan Hoi An sebagai pusat perdagangan di laluan antara Timur dan Barat. Hoi An berkembang pesat bukan sahaja sebagai sebuah pelabuhan persisiran di sepanjang selatan Vietnam (Dang Trong) dan pelabuhan pengantara di Laut China Selatan dengan mengumpul dan mengedarkan hasil masyhulnya di sepanjang pantai dari Asia Selatan sehingga ke Asia Timur tetapi pelabuhan ini juga muncul sebagai penempatan awal pedagang-pedagang Cina untuk bermastautin. Di samping itu, faktor-faktor seperti dasar toleransi pihak pemerintahan di selatan Vietnam khususnya dan penguatkuasaan melarang pelayaran ke seberang laut oleh pihak Jepun juga telah menggalakkan pola kemasukan orang Cina ke Vietnam. Komuniti Cina pada mulanya sekadar menjalankan aktiviti perdagangan dan menetap sebentar di Vietnam sementara menunggu berakhir angin monsoon. Namun, akhirnya orang Cina yang kebanyakan merupakan pedagang telah mengambil kesempatan bermastautin dan mendirikan penempatan-penempatan mereka di Vietnam. Namun, kesetiaan golongan ini masih berkiblat kepada Dinasti Ming di China yang telah disingkirkan oleh Dinasti Qing. Hari demi hari, masa demi masa silih berganti, akhirnya usaha memulihkan Dinasti Ming tidak kesampaian, lalu komuniti Cina yang telah bermastautin di Vietnam telah berkahwin dengan penduduk tempatan dan akhirnya lahirnya generasi yang dikenali sebagai masyarakat Minh Huong. Masyarakat Minh Huong membentuk kesatuan mereka dengan kukuh kerana ia mempunyai organisasi yang tersendiri dalam menguruskan hal-ehwal dan keperluan komunitinya. Langkah ini amat disenangi oleh pihak Dinasti Nguyen yang baharu diasaskan oleh Gia Long. Namun, gelombang kemasukan beramai-ramai orang Cina pada awal abad ke-19 merimaskan pentadbiran beliau berdasarkan peristiwa sejarah bagaimana golongan ini dimanipulasi demi keutungan politik masing-masing. Lalu Gia Long terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengawalinya. Akhirnya beliau dapat memanfaatkan kekuatan dan sistem *bang* yang ada pada organisasi masyarakat Minh Huong untuk menyelesaikan isu kebanjiran orang Cina di Vietnam. Menjelang 1812, Dinasti Nguyen telah mengintegrasikan masyarakat Minh Huong dengan mengiktirafnya sebagai rakyat Vietnam dan penukaran namanya kepada Minh Huong. Lantaran itu, golongan Minh Huong mempunyai hak-hak keistimewaan seperti mana dinikmati oleh rakyat Vitenam (Kinh). Sesungguhnya, perubahan dasar ini adalah pertimbangan strategik dan perkiraan bijak yang diambil oleh pemerintah Dinasti Nguyen agar masyarakat Minh Huong yang telah menjadi rakyat Vitenam dapat memberi sepenuh kesetiaan mereka kepada kerajaan Gia Long dan Minh Manh.

## PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian penyelidikan Geran Penyelidikan Univeristi Sains Malaysia (RUI), No. Projek: 101/PJJAUH/816294.

## Nota

<sup>1</sup> Li Tana. 1998. "An Alternative Vietnam? The Nguyen Kingdom in the Seventeenth and Eighteenth Centuries." *Journal of Southeast Asian Studies*. 29 (1):120.

<sup>2</sup> Sila lihat Ku Boon Dar. 2013. 'Tap Dinh dan Ly Tai dalam Pemberontakan Tay Son: Satu Sorotan Sejarah.' *SARJANA: The Journal of the Faculty of Arts and Social Sciences*, University of Malaya. 28 (2):21-40.

<sup>3</sup> *Dai Nam Liet Truyen Chinh Bien* (Biographies of Dai Nam, Principal Period), *Chu Ji* (Early Chapter), Vol. 28: He Shanwen (Biography) (《大南列传》。正编。初集。卷二十八：何善文传). Lain-lain

- bahan yang berkenaan dengan He Shanwen juga didapati dalam, *Dai Nam Thuc Luc Chin Bien De Nhat Ky* (Primary Compilation of the Veritable Records of the First Reign of Imperial Vietnam), Vol. 3. (《大南寔錄》。正編。第一紀。卷三) dan lihat juga *Gia Dinh Thong Chi* (Gazetteer of Gia Dinh), Vol. 3: Qiang Yu Zhi (Treatise on the Geography). (《嘉定通志》。卷三：疆域志)
- 4 Dai Kelai dan Yu Xiangdong. 1997. "Hai Nan Za Zhu Zhong Suo Ji Yue Nan Hua Qiao Hua Ren". (Vietnamese Chinese in "Hai Nan Za Zhu" Written by Cai Tinglan"), *Hua Qiao Hua Ren Li Shi Yan Jiu* (Overseas Chinese History Studies), 1:47. (戴可来，于向东著，〈海南雜著中所记越南华侨华人〉，《华侨华人历史研究》).
- 5 Michael G. Cotter. 1968. "Towards A Social History of the Vietnamese Southward Movement." *Journal of Southeast Asian History*. 4 (1):20.
- 6 Dai Kelai & Yu Xiangdong. 1997. "Hai Nan Za Zhu Zhong Suo Ji Yue Nan Hua Qiao Hua Ren." hlm. 47.
- 7 Victor Purcell. 1965. *The Chinese in Southeast Asia*. London: Oxford University Press. hlm. 183.
- 8 Sila lihat *Phu Bien Tap Luc* (Miscellaneous Records of Pacification in the Border Area), Vol. 4. Terjemahan (terpilih) sila lihat excerpts translated oleh Li Tana, "Miscellaneous Nguyen Records Seized in 1775-6", dalam Li Tana dan Anthony Reid (eds.) 1993. *Southern Vietnam Under the Nguyen: Documents on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong), 1602-1777*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies. hlm. 116-117
- 9 Dasha. 1987. *Hai Wai Ji Shi* (Record of Countries Overseas). Xu Enli (annotated), Vol. 4. Rpt. Beijing: Beijing zhong hua shu dian. hlm. 26. (大汕，徐恩黎点校，《海外记事》。卷四，北京：北京中华书店).
- 10 Xu Jieshun. 2014. "Yuenan de ming xiang ren (Ming Huong in Vietnam)." *Journal of Baise University*. 27(2):76. (《徐杰舜，《越南的明乡人》。百色学院学报)
- 11 Zheng Chengggong ada juga sebagai Koxinga (Lord with the Royal Surname". Untuk maklumat lanjut tentang biografinya, sila lihat Ralph C. Cozier. 1977. *Koxinga and Chinese Nationalism: History, Myth, and the Hero*, Cambridge: East Asian Research Center, Harvard University.
- 12 *Dai Nam Liet Truyen Chinh Bien*, Vol. 7.
- 13 《好纳唐人为婿，呼唐人为叔》. Cai Tinglan, *Hainan Zazhe*. (Various Records of the Land Beyond the Southern Ocean), Vol. 1. (蔡廷兰，《海南杂著》。卷一).
- 14 "Memorials Gabenor Jeneral *Liangguang* (Wilayah Guangdong dan Guangxi), Yi Zhengwang kepada Maharaja Qianlong", bertarikh 21 November 1743 *Qing Gao Zong Shi Lu*, (Veritable Record of Emperor Qianlong), Vol. 202, hlm. 19-22. (《清高宗实录》。卷二百二).
- 15 "Laporan *Junji chu* (The Grand Council)", bertarikh 29 Jan 1776 dalam *Jun Ji Chu Lu Fu Zou Ze* (Archives of The Grand Council Memorials Copies to the Throne). (《军机处录副奏折》).
- 16 Chen Chingho 1974. *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*. Carbondale: Southern Illinois University. hlm. 18.
- 17 Lihat juga Ong Kui Hua. 2015. "Masyarakat Cina di Selatan Vietnam dalam abad ke-17 hingga abad ke-18." PhD Thesis. Jabatan Sejarah. University of Malaya. Hlm. 64-109.
- 18 Olga Dror & Keith. W. Taylor. 2006. *Views of Seventeenth Century Vietnam*. Cornell: Cornell University Press. hlm. 133.
- 19 Chen Chingho. 1974. *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*. Carbondale: Southern Illinois University Center for Vietnamse Studies. hlm. 36-37.
- 20 *Dai Nam Thuc Luc Chin Bien De Nhat Ky* (Primary Compilation of the Veritable Records of the First Reign of Imperial Vietnam).
- 21 Nobuchika, Ichikawa. 1981. "Dong Nan Ya Hua Qiao Jing Ji De Yi Ge Zhe Mian Yang Jiu ---Guan Yi Hua Qiao Bang De Shi Di Ji Lu", (Horizontal Study of the "Bang" Veritable Record in Southeast Asian Chinese Overseas), *Nan Yang Zi Liao Yi Cong* (Southeast Asian Studies: a Quarterly Journal of Translations) Vol. 2, Xiamen, 1981, hlm. 77. (市川信爱，刘晓民译，《东南亚华侨经济的一个侧面研究---关于华侨帮的实地查记录》，《南洋资料译丛》).
- 22 Chen Chingho. 1974. *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*. hlm. 41-42.
- 23 Liu Juntao. 2018. "Yuenan zhengquan Huaqiao zhengce de yanbian (1600-1840 nian)." (The Evolution of the Overseas Chinese Policy of the Vietnamese Regime (Year: 1600-1840). *Shijie Minzu Journal* 4:81-82. (刘俊涛《越南政权华侨政策的演变》，《世界民族》).

- 24 Dai Kelai & Yu Xiangdong. 1997. "Hai Nan Za Zhu Zhong Suo Ji Yue Nan Hua Qiao Hua Ren." hlm. 47.
- 25 Guo Zhenduo, Zhang Xiaomei (eds.) 2000. *Yue Nan Tong Shi* (General History of Vietnam). Beijing: Ren ming daxue chubanshe. hlm. 596-605. (郭振铎, 张笑梅主编, 《越南通史》, 北京: 人民出版社).
- 26 Sung Zhemei. "Zhong Yue Wen Hua Guan Xi" (Sino-Vietnam Culture Relation)." *Dongnanya Xuebao* (Journal of Southeast) 1(3) :133. (宋哲美, 《中越文化關係》, 《東南亞學報》)
- 27 Wu Fengbin. (ed.) 1993. *Dongnanya Huaqiao Tongshi* (General History of Southeast Asia Chinese Overseas), Fuzhou: Fuzhou: Fujian renmin chubanshe. hlm. 77. (吳風斌, 《东南亚华侨通史》, 福州: 福建人民出版社).
- 28 Dai Kelai dan Yu Xiangdong. 1997. "Hai Nan Za Zhu Zhong Suo Ji Yue Nan Hua Qiao Hua Ren." hlm. 47.
- 29 Victor Purcell. 1965. *The Chinese in Southeast Asia*. hlm. 224.
- 30 *Dai Nam Thuc Luc Chin Bien De Nhat Ky*. Vol. 55.
- 31 Paul Boudet. 1942. "Ruan Shi Zheng Fu Wan Qi Hua Qiao De Gong Xian." (Chinese Role on Nguyen Dynasty Invasion to Nam Ky), trans. Li Xingke, *Nan Yang Xue Bao* (Journal of the South Seas Society). 14 (1-2): 48. (李星可译, 《阮氏征服南圻与华侨的贡献》, 《南洋学报》). (Asalnya di Bulletin de l'Ecole Francaise d'Extreme Orient. 42).
- 32 *Gia Dinh Thong Chi* (Gazetteer of Gia Dinh), Tam Xuyen Chi (Gazetteer of Tam Xuyen), Phien An Tran (City of Phien An). (《嘉定通志》三川志。藩安镇). Zhongguo merujuk kepada China.
- 33 Luong Nhi Ky. 1963. "The Chinese in Vietnam: A Study of Vietnamese-Chinese Relations with Special Attention to the Period 1862-1961." Thesis (Ph. D). University of Michigan. hlm. 31.
- 34 "Laporan Xingbu (The Board of Punishment) kepada Neige (The Grand Secretariat)." bertarikh 30 September 1803 dalam *Qing Ren Zong Shi Liu* (The Veritable Record of the Emperor Jiaqing). Vol. 118, hlm. 42. (《清仁宗实录。卷一百一十八》).
- 35 *Qing Ren Zong Shi Lu*. Vol. 117: 16-17.
- 36 *Qing Ren Zong Shi Lu*. Vol. 126: 14-15.
- 37 "Laporan-laporan daripada Chentian dan Sunyun, Gabenor Jeneral di Ili (Xinjiang) kepada Neige." 1804-1805 dalam *Ming Qing Shi Liao* (Historical Materials of the Ming and Qing Dynasty Period). *Geng Bian*: Vol. 3. (《明清史料。庚编。第三本。》)
- 38 Sun Hongnian. 2000. "Qing Dai Yue Nan Zheng Zhi Bi Tao Nan Wen Di Chu Shen." (Outline Research of Vietnam Refugee During Qing Dynasty). *Nanyang Wenti Yanjiu* (Southeast Asian Affairs). 2: 3. (孙宏年, 《清代越南政治避逃难问题初探(1644-1885)》, 《南洋问题研究》).
- 39 *Dai Nom Thuc Luc Chin Bien De Nhat Ky* (Primary Compilation of the Veritable Records of the First Reign of Imperial Vietnam). Vol. 28 dan Vol. 45.
- 40 *Huang Zhao Tong Dian* (Encyclopaedic History of Qing Institutions). Vol. 80: Xing Zhi (Justice System). (《皇朝通典》。《卷八十: 刑制》).
- 41 Victor Purcell. 1965. *The Chinese in Southeast Asia*, hlm. 33.
- 42 "Laporan Junji chu kepada Maharaja Qianlong" bertarikh 28 Mei 1775 dalam *Jun Ji Chu Lu Fu Zou Zhe*, Vol. 356.
- 43 *Dai Nam Thuc Luc Chin Bien De Nhat Ky* (Primary Compilation of the Veritable Records of the First Reign of Imperial Vietnam). Vol. 42:12.
- 44 *Qin Ding Yue Shi Tong Jian Gang Mu* (Abdringed View of the Vietnam Government History), Vol. 35 dan Vol. 43. (《钦定越史通鉴纲目》。《卷三十五。卷四十三》).
- 45 Khoon Choy Lee. 2013. *Golden Dragon and Purple Phoenix: The Chinese and Their Multiethnic*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte Ltd. hlm. 327-368.
- 46 Untuk kupasan tentang usaha-usaha asimilasi Maharaja Gia Long terhadap orang Cina di Vietnam. Sila lihat Choi Byung Wook. 2003. "Vietnamisation of Southern Vietnam during the First Half of the Nineteenth Century." *Asian Ethnicity*. 4 (1): 57-61.
- 47 Choi Byung Wook. 2003. "Vietnamisation of Southern Vietnam during the First Half of the Nineteenth Century." *Asian Ethnicity*. 4 (1): 57.
- 48 Sila lihat Nobuchika Ichikawa. 1981. "Dong Nan Ya Hua Qiao Jing Ji De Yi Ge Zhe Mian Yang Jiu ---Guan Yi Hua Qiao Bang De Shi Di Ji Lu." (Horizontal Study of the "Bang" Veritable Record in

Southeast Asian Chinese Overseas). *Nanyang Ziliao Yicong* (Southeast Asian Studies: a Quarterly Journal of Translations). 2:77. (市川信爱, 刘晓民译, 《东南亚华侨经济的一个侧面研究----关于华侨帮的实地查记录》, 《南洋资料译丛》).

49 Luong Nhi Ky. 1963. "The Chinese in Vietnam: A Study of Vietnamese-Chinese Relations with Special Attention to the Period 1862-1961." hlm. 230-231.

50 Ibid.

51 Ramses Amer. 1998. "The Study of the Ethnic Chinese in Vietnam: Trends, Issues and Challenges." hlm. 24 dan Li Tana. 1998. "Vietnam" dalam Lynn Pan (ed.), *The Encyclopedia of the Chinese Oversea*. Singapore: Archipelago Press. hlm. 230.

52 Chen Chingho. 1974. *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*. Carbondale: Southern Illinois University Center for Vietnamse Studies. hlm. 36-37.

53 Cheng Chingho. 1974. *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*. hlm. 56.

54 Sila lihat Phan Thuc Truc. 1956. *Quoc Su Di bien* (The Compiler and Contents of the Quoc-su Di-Bien). Rpt. Hong Kong: Xianggang daxue. hlm. 135. (藩叔直, 《國史遺編》。《中集。明命朝》).

## RUJUKAN

- Boudet, Paul. 1942. "Ruan Shi Zheng Fu Wan Qi Hua Qiao De Gong Xian", (Chinese Role on Nguyen Dynasty Invasion to Nam Ky), trans. Li Xingke. 1958. *Nan Yang Xue Bao* (Journal of the South Seas Society), Vol. 14, No. 1-2. (李星可译, 《阮氏征服南圻与华侨的贡献》, 《南洋学报》). (Asalnya di Bulletin de l'Ecole Francaise d'Extreme Orient, Vol. 42, 1942).
- Cai, Tinglan. 1836. *Hainan Zazhe*. (Various Records of the Land Beyond the Southern Ocean). (蔡廷兰, 《海南杂著》).
- Chen, Chingho. 1974. *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*. Carbondale: Southern Illinois University Center for Vietnamse Studies, 1974.
- Choi, Byung Wook. 2003. "Vietnamisation of Southern Vietnam during the First Half of the Nineteenth Century." *Asian Ethnicity*. 4 (1): 47-65.
- Cotter, Michael G. 1968. "Towards A Social History of the Vietnamese Southward Movement", *Journal of Southeast Asian History*. 9(1):12-24.
- Dai, Kelai & Yu Xiangdong. 1997. "Hai Nan Za Zhu Zhong Suo Ji Yue Nan Hua Qiao Hua Ren." (Vietnamese Chinese in "Hai Nan Za Zhu" Written by Cai Tinglan") *Hua Qiao Hua Ren Li Shi Yan Jiu*, (Overseas Chinese History Studies) 1. (戴可来, 于向东著, 《海南雜著中所记越南华侨华人》, 《华侨华人历史研究》).
- Dai Nam Liet Truyen Chinh Bien* (Biographies of Dai Nam, Principal Period)
- Dai Nam Thuc Luc Chin Bien De Nhat Ky* (Primary Compilation of the Veritable Records of the First Reign of Imperial Vietnam).
- Dashan. 1987. *Hai Wai Ji Shi* (Record of Countries Overseas), Xu Enli (annotated). Vol. 4, rpt. Beijing: Beijing zhong hua shu dian. (大汕, 徐恩黎点校, 《海外记事》。卷四, 北京: 北京中华书店).
- Dror, O. & Taylor, Keith. W. 2006. *Views of Seventeenth Century Vietnam*. Cornet: Cornell University Press.
- Gia Dinh Thong Chi* (Gazetteer of Gia Dinh)
- Guo, Zhenduo & Zhang, Xiaomei (eds.) 2000. *Yue Nan Tong Shi* (General History of Vietnam). Beijing: Ren ming da xue chu ban she. (郭振铎, 张笑梅主编, 《越南通史》, 北京: 人民大学出版社).
- Huang Zhao Tong Dian* (Encyclopaedic History of Qing Institutions) (《皇朝通典》。)
- Jun Ji Chu Lu Fu Zou Ze* (Archives of The Grand Council Memorials Copies to the Throne). (《军机处录副奏折》).
- Ku, Boon Dar. 2013. "Tap Dinh dan Ly Tai dalam Pemberontakan Tay Son: Satu Sorotan Sejarah". *SARJANA: The Journal of the Faculty of Arts and Social Sciences*, University of Malaya 28 (2): 21-40.
- Khoon, Choy Lee. 2013. *Golden Dragon and Purple Phoenix: The Chinese and Their Multiethnic*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte Ltd
- Li, Tana & Anthony, Reid (eds.). 1993. *Southern Vietnam Under the Nguyen: Documents on the Economic History of Cochinchina (Dang Trong), 1602-1777*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Li, Tana. 1998. "An Alternative Vietnam? The Nguyen Kingdom in the Seventeenth and Eighteenth Centuries." *Journal of Southeast Asian Studies* 29 (1):111-121.
- Liu Juntao. 2018. "Yuenan zhengquan Huaqiao zhengce de yanbian (1600-1840 nian)." (The Evolution of the Overseas Chinese Policy of the Vietnamese Regime (Year: 1600-1840)). *Shijie Minzu Journal*. 4. (刘俊涛, 《越南政权华侨政策的演变》, 《世界民族》).

- Luong, Nhi Ky. 1963. "The Chinese in Vietnam: A Study of Vietnamese-Chinese Relations with Special Attention to the Period 1862-1961." Thesis (Ph. D). University of Michigan.
- Lynn Pan (ed.). 1998. *The Encyclopedia of the Chinese Overseas*. Singapore: Archipelago Press.
- Ming Qing Shi Liao* (Historical Materials of the Ming and Qing Dynasty Period) (《明清史料·庚编》).
- Nobuchika, Ichikawa. 1981. "Dong Nan Ya Hua Qiao Jing Ji De Yi Ge Zhe Mian Yang Jiu -- Guan Yi Hua Qiao Bang De Shi Di Ji Lu", (Horizontal Study of the "Bang" Veritable Record in Southeast Asian Chinese Overseas), *Nan Yang Zi Liao Yi Cong* (Southeast Asian Studies: a Quarterly Journal of Translations) 2. (市川信爱, 刘晓民译, 《东南亚华侨经济的一个侧面研究----关于华侨帮的实地查记录》, 《南洋资料译丛》, 1981).
- Ong Kui Hua. 2015. "Masyarakat Cina di Selatan Vietnam dalam abad ke-17 hingga abad ke-18." PhD Thesis. Jabatan Sejarah. University of Malaya.
- Phan, Thuc Truc. 1956. *Quoc Su Di bien* (The Compiler and Contents of the Quoc-su Di-Bien). rpt. Hong Kong: Xiang gang da xue. (藩叔直, 《國史遺編》。中集。明命朝).
- Purcell, Victor. 1965. *The Chinese in Southeast Asia*, London: Oxford University Press.
- Sung Zhemei. "Zhong Yue Wen Hua Guan Xi" (Sino-Vietnam Culture Relation)." *Dongnanya Xuebao* (Journal of Southeast) 1 (3) . (宋哲美, 《中越文化關係》, 《東南亞學報》)
- Qin Ding Yue Shi Tong Jian Gang Mu* (Abdringed View of the Vietnam Government History). (《钦定越史通鉴纲目》)
- Qing Ren Zong Shi Liu* (The Veritable Record of the Emperor Jiaqing) (《清仁宗实录》).
- Sun Hongnian. 2000 "Qing Dai Yue Nan Zheng Zhi Bi Tao Nan Wen Di Chu Shen (Outline Research of Vietnam Refugee During Qing Dynasty)." *Nan Yang Wen Ti Yan Jiu* (Southeast Asian Affairs) 2. (孙宏年, 《清代越南政治避逃难问题初探(1644-1885)》, 《南洋问题研究》).
- Wu Fengbin (ed.). 1993. *Dong Nan Ya Hua Qiao Tong Shi* (General History of Southeast Asia Chinese Overseas). Fuzhou: Fuzhou: Fujian ren min chu ban she. (吴风斌, 《东南亚华侨通史》, 福州: 福建人民出版社).

**Published online:** 29 October 2019